

Remaja perempuan, teman lelaki disyaki bunuh abang

Suspek direman enam hari bantu siasatan

Oleh Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi dan Farah Suhaidah Othman
bhnews@bh.com.my

Taiping: Seorang remaja perempuan berusia 14 tahun dan teman lelaki direman enam hari bermula semalam, bagi membantu siasatan kes bunuh abangnya di Taman Glenview, Kamunting, di sini, kelmarin.

Terdahulu, suspek bersama teman lakinya berusia 15 tahun yang ditahan di rumah masing-masing kelmarin, dibawa ke Mahkamah Majistret di sini dengan berpakaian lokap pada jam 8.30 pagi.

Penolong Kanan Pendaftar, Nurul Hidayah Ismail, kemudian membenarkan kedua-dua suspek direman bagi membantu siasatan kes mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Media sebelum ini melaporkan mayat seorang remaja lelaki berusia 16 tahun ditemui jam 12.18 tengah hari kelmarin di belakang sebuah rumah kosong bersebelahan kediamannya di Taman Glenview.

Mayat mangsa yang sebelum ini dilaporkan hilang oleh kakaknya, Jumaat lalu, ditemui de-



Suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Taiping, semalam

[Foto BERNAMA]

ngan kesan kelar di leher dan kedua-dua pergelangan tangan.

Ketua Polis Daerah Taiping, Asisten Komisioner Osman Mamat, dilaporkan berkata, berdasarkan hasil siasatan, polis menahan adik perempuan mangsa serta teman lakinya dan kedua-dua suspek kemudian mengaku membunuh remaja itu.

Osman berkata, siasatan awal

mendapati motif pembunuhan dipercayai berpunca daripada pergaduhan mangsa dengan teman lelaki adiknya selepas telefon bimbit suspek tertinggal di rumah mereka.

Sementara itu, mayat mangsa sudah dituntut ahli keluarganya selepas bedah siasat dijalankan di Jabatan Forensik, Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB),

Ipoh, jam 10.30 malam kelmarin.

Menurut sumber forensik, bedah siasat dijalankan mendapati punca kematian remaja berkenaan ialah pendarahan berlebihan akibat tikaman di leher.

Bagaimanapun, usaha menemu bual ahli keluarga mangsa gagal apabila mereka enggan diganggu berikutan masih dalam keadaan sedih.